# Pingat Bakti Wira Terpuji untuk Mahathir

(P) Profail U.M. 26 JUL 1993

PERDANA Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad telah dianugerahkan Pingat Darjah Bakti Wira Terpuji oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) semalam, kerana usaha membawa Malaysia ke era negara maju selama memimpin Malaysia.

Selain beliau, Menteri Pertahanan, Dato' Sri Najib Tun Razak dan bekas Panglima Angkatan Tentera Jeneral (B) Tan Sri Hamid Bidin turut menerima anugerah tersebut kerana pengorbanan dan usaha membela nasib anggota tentera dan bekas tentera di negara ini.

Presiden PBPM, Dato' Zainol Abidin Johari sedang menyampaikan anugerah tersebut sempena majlis Himpunan Pahlawan Bersama Perdana Menteri di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, semalam. — Foto *Utusan* oleh AZHAR MOGO.[Berita di muka 2].